



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

PUSAT BATERI KENDERAAN ELEKTRIK HIDROGEN (HEBATT) DILANCARKAN

KUALA LUMPUR, 20 September 2022 – Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba hari ini merasmikan Pusat Bateri Kenderaan Elektrik Hidrogen (*Hydrogen Electric Vehicle Battery*) atau HEBATT iaitu pusat inovasi bateri tempatan yang akan menghasilkan bateri sel kantung nanoteknologi untuk aplikasi Kenderaan Elektrik (EV).

HEBATT merupakan pencapaian penting bagi Program Inisiatif Teknologi Penyimpanan Tenaga NanoMalaysia (NESTI) yang diterajui agensi di bawah MOSTI, NanoMalaysia Berhad (NMB). HEBATT akan mengeluarkan bateri dipertingkatkan dengan teknologi nano yang mempunyai ketumpatan tenaga yang tinggi dan prestasi pengecasan pantas sambil mengurangkan risiko bahaya kepada alam sekitar.

YB Dato' Sri Dr Adham bin Baba berkata, "Pembangunan HEBATT ini secara tidak langsung akan mengekalkan negara pada trajektori ekonomi rendah karbon dan kecekapan sumber sambil mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pemain global dalam pasaran bateri yang bernilai berbilion dolar AS."

Tambahnya, "MOSTI yakin bahawa HEBATT akan menerajui pembangunan bateri yang dipertingkatkan teknologi nano Malaysia dan seterusnya menuju pencapaian baharu dengan impak sosio-ekonomi yang ketara. Ini penting untuk menjadikan Malaysia sebagai Negara Berteknologi Tinggi menjelang tahun 2030 dan pada masa yang sama meletakkan Malaysia antara negara teratas dunia bagi pembangunan ekonomi yang dipacu oleh teknologi inovatif untuk kesejahteraan rakyat."

HEBATT merupakan kerjasama antara penerima pelaburan Kumpulan NanoMalaysia, HyPERTech Industries Sdn. Bhd. (HTSB) dan International Battery Center (IBC) Sdn. Bhd. iaitu pusat perundingan sehati bagi kerjasama inovatif tempatan dan antarabangsa antara industri, universiti dan agensi kerajaan. Pusat ini

akan menjadi tumpuan dalam pembinaan dan perkembangan kepakaran tempatan di dalam pembikinan bateri dan aplikasinya untuk sektor perindustrian yang berkaitan. Ia akan memberi tumpuan kepada pembangunan bateri kimia baharu dan penghasilan bateri canggih dalam pelbagai faktor, bentuk dan penyimpanan berasaskan hidrogen.

Penyimpanan berasaskan hidrogen dipilih berbanding silinder biasa kerana ia lebih ringan dan mampu menyimpan kuasa yang lebih tinggi serta tenaga yang lebih tumpat. Selain itu, teknologi sel kantung juga tahan getaran dan boleh diubahsuai dari segi saiz kantung dan elektrod.

Ketua Pegawai Eksekutif NanoMalaysia, Dr. Rezal Khairi Ahmad berkata, "Pembangunan HEBATT adalah penting kepada agenda ekonomi hijau negara kerana ia akan menjadi pusat ekosistem tempatan bagi pengeluaran penyimpanan bateri dan hidrogen. Apabila ekosistem ini berkembang, ia akan memacu negara ke arah kedaulatan teknologi dalam sistem penyimpanan tenaga, terutamanya bagi sektor tenaga bersih, dengan nilai baharu dan rangkaian bekalan diwujudkan untuk pekerjaan bernilai tinggi baharu dan peluang keusahawanan yang merangkumi bahan mentah, bahan perantara dan produk pengguna akhir.

Tambahnya, "NESTI, melalui HEBATT, akan terus menghasilkan pakar tempatan dalam teknologi canggih untuk aplikasi EV, sumber tenaga pegun dan boleh diperbaharui, serta merevolusikan sektor terlibat seperti pertanian pintar dan ekonomi digital. Modal pelaburan bina teroka NMB mampu mengurangkan risiko usaha berteknologi tinggi sekali gus menarik lebih banyak pelaburan dari sektor swasta yang konservatif."

Dianggarkan, Pusat Inovasi yang ditempatkan di G-4, Inkubator 3, Pusat Perniagaan Technology Park Malaysia, Bukit Jalil memerlukan pelaburan sebanyak RM7.35 juta. Setelah beroperasi sepenuhnya pada tahun 2024, Pusat Inovasi ini boleh menghasilkan 250 bateri sel kantung berkapasiti antara 18 volt hingga 72 volt setahun.

TAMAT

Disediakan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
20 SEPTEMBER 2022**

Tentang NanoMalaysia Berhad

NanoMalaysia Berhad telah ditubuhkan pada tahun 2011 sebagai sebuah syarikat berhad menurut jaminan (SBMJ) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk bertindak sebagai sebuah entiti perniagaan yang diamanahkan dengan aktiviti pengkomersialan dan perindustrian nanoteknologi menerusi model pembangunan usaha sama serta bina teroka. Nanoteknologi terus memainkan peranan menyediakan penyelesaian yang efisien dan dipertingkatkan bagi pelbagai aplikasi termasuklah untuk kehidupan pintar, pembuatan pintar, pertanian, peranti elektronik serta tenaga dan persekitaran. NanoMalaysia percaya bahawa “*Internet of Nano-Things*” atau IoNT akan menjadi pemacu teras bagi revolusi Industri ke-4 dan menjadi pemangkin perubahan termaju dalam industri, perniagaan dan masyarakat.

Untuk Pertanyaan Media, sila hubungi Audra Jeyaraj at 012 691 5024 atau writemedia@gmail.com

Sumber:

1. PERSISTENCE Market Research
2. Jabatan Perangkaan Negara
3. Penyelidikan Lux
4. Penyelidikan NVSB
5. <https://www.statista.com/statistics/1011187/projected-global-lithium-ion-battery-market-size/>.